

Kehidupan Amin dipengaruhi perjuangan Pas — PM

UM 22/7/2000
Oleh MARZUKI YUSOFF
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 21 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Ketua Kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah (Al-Ma'unah), Mohd. Amin Mohd. Razali mendapat inspirasi menegakkan negara Islam hasil daripada kehidupannya yang banyak dipengaruhi oleh unsur 'perjuangan' Pas.

Menurut Perdana Menteri, Mohd. Amin sendiri dilahirkan dari keluarga Pas dan dia membesar di sebuah perkampungan yang didominasi oleh penyokong kuat parti tersebut.

Oleh kerana itu, kata Dr. Mahathir, tidak hairan Mohd. Amin sanggup menggunakan cara militan dalam menjayakan cita-cita menegakkan negara Islam kerana terpengaruh dengan dakwah Pas kononnya Malaysia bukan negara Islam dan orang UMNO adalah kafir seperti fatwa ulama-ulama Pas.

"Selain itu, Amin dan pengikutnya terlalu yakin bahawa perjuangan mereka adalah jihad seperti seruan jihad yang sering dilauung-laungkan oleh Pas bagi memancing sokongan rakyat dalam usahanya menegakkan negara Islam," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar sejeurus selesai Mesyuarat Tertinggi UMNO malam ini, Dr. Mahathir mengulangi kenyataan yang dibuatnya di Alor Setar, semalam bahawa sebahagian besar ahli Al-Ma'unah adalah ahli atau penyokong kuat Pas.

■ Lihat muka 4

Amin dipengaruhi perjuangan Pas — PM

UM 22/7/2000
"Kita telah meminta pandangan daripada pakar-pakar untuk mengkaji kaitan Al-Ma'unah dengan Pas dan dari pandangan yang kita perolehi terbukti ada kaitan kuat antara perjuangan kumpulan itu dengan perjuangan Pas," katanya yang menjelaskan MT UMNO kali ini hanya membincangkan isu Al-Ma'unah.

Mengenai sikap pembangkang yang terus berusaha mengelirukan rakyat, Presiden UMNO itu memberitahu, mesyuarat MT malam ini memutuskan untuk melancarkan kempen besar-besaran di seluruh negara bagi memberi penjelasan kepada ahli-ahli parti dan rakyat berhubung peristiwa tersebut.

Bagaimanapun, beliau percaya akan ada di kalangan ahli Pas yang sukar menerima penjelasan dan tetap berpegang dengan dakwaan pemimpin mereka bahawa peristiwa di Gerik itu satu sandiwara UMNO dan kerajaan.

"Menteri Besar Kelantan (Datuk Nik Aziz Nik Mat) memberitahu polis yang menemuinya bahawa beliau tidak percaya bagaimana orang berjanggung boleh menyamar sebagai tentera dan begitu mudah menipu pengawal di kern tentera.

"Selain itu, Nik Aziz tidak percaya bagaimana tentera tidak tahu gerak-geri kumpulan Al-Ma'unah semasa mereka merompak kern tentera di Gerik sedangkan mereka telah mencerooboh pos tentera," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa hanya anggota kumpulan Al-Ma'unah yang tidak berjanggung mencerooboh kern tentera dan Nik Aziz tidak wajar membuat tuduhan itu hanya bersandarkan kepada alasan tersebut.

"Masalah akan timbul kerana orang Pas begitu taksud dengan pemimpin mereka. Mereka akan percaya jika Nik Aziz mengatakan sandiwara sepertimana mereka percaya Tuhan mencarut kerana Nik Aziz kata begitu," tegas Perdana Menteri lagi.

Pada sidang akhbar itu juga, Dr. Mahathir berkata, kumpulan Al-Ma'unah akan turut membunuh Detektif Sajan Mohd. Shah Abmad berdasarkan perbualannya dengan anggota polis itu semalam.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri melahirkan kekhawatirannya bahawa peristiwa yang dicituskan oleh kumpulan penjenayah tersebut akan menjadi modal kepada media asing untuk terus memburuk-burukkan imej negara dan agama Islam.

"Kita menerima maklumat ada media asing yang begitu gembira dengan apa yang berlaku di Malaysia kini kerana selama ini kita sering mengatakan Malaysia negara stabil dan aman.